



## KENYATAAN MEDIA BERSAMA

### PENGANJURAN SARAWAK WEEK DI ARAB SAUDI

**PADA 16 HINGGA 18 APRIL 2022**

---

**PULAU PINANG, XXX APRIL 2022** – TERAJU bersama rakan strategiknya, Universiti Sains Malaysia (USM) bakal mengadakan *Sarawak Week* yang bertempat di Husam Waksa Foodmarket Sdn Bhd, Jeddah, Arab Saudi dalam usaha untuk mempromosi pelbagai produk tempatan Sarawak yang premium dan berpotensi besar seperti seperti madu kelulut, lada, gula apong, ikan terubuk masin dan telurnya yang mempunyai nilai keaslian dan keunikan tersendiri.

Usaha yang dilaksanakan ini adalah sebahagian daripada kerjasama strategik di antara Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Jabatan Perdana Menteri dan Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM) , Universiti Sains Malaysia (USM) melalui program Sustainable Marketing for Community (SMART Community) di bawah Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB) Sarawak 2020.

DPUB Sarawak 2020 merupakan sebahagian daripada inisiatif Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK-11) dan Third Rolling Plan (RP3) yang bertujuan untuk memperkukuhkan pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat melalui sistem kerjasama Quadruple Helix Model yang melibatkan agensi kerajaan, insituti pendidikan, rakan industri, dan orang awam. Dengan mengadapatasi model ini, ianya telah memberi impak yang positif kepada usahawan Bumiputera dimana produk komuniti keluaran tempatan telah berjaya dipasarkan bukan sahaja di peringkat domestik malah telah menembusi pasaran antarabangsa seperti Arab Saudi, Jepun, China dan Amerika Syarikat.

Pada 16 April 2022, Sarawak Week akan dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Dr. Hj Abd. Latiff bin Ahmad. Bakal hadir sama pada majlis ini adalah Konsul Jeneral Malaysia di Arab Saudi, 'Alauddin Mohd Nor; Pesuruhjaya Perdagangan MATRADE, Faizalkhan Jaafar; Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU, Md Silmi Abd Rahman; Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi USM, Prof Dato' Ir Dr Abdul Rahman Mohamed dan Pengarah Jaringan Komuniti BJIM, Syed Yusof Syed Kechik.

Menurut Syed Yusof Syed Kechik, yang juga Ketua program SMART Community “Kedai Asia yang dibangunkan oleh Husam Waksa Sdn Bhd telah dipilih sebagai rakan strategik di Jeddah, Arab Saudi bagi melancarkan lagi penganjuran Sarawak Week. Kedai Asia merupakan entiti pertama perniagaan Malaysia yang berjaya membuka ruang perusahaan runcit di Menara Jam Abraj Al-Bait di Mekah. Pemilihan rakan strategik ini dibuat berdasarkan pencapaian cemerlang Kedai Asia yang telah menerima anugerah Export Award daripada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia pada tahun 2017 dan anugerah Social Enterprise oleh Perdana Menteri Malaysia. Kedai Asia merupakan kedai runcit milikan pertama anak Malaysia di Arab Saudi dan Negara Teluk bukan sahaja mempunyai kedai secara fizikal, malah turut menjalankan perniagaan secara atas talian melalui aplikasi pintar. Selain itu, margin penjualan produk Sarawak yang ditempatkan di Kedai Asia telah meningkat sebanyak 68.1 peratus kepada aliran pendapatan semasa Husam Waksa Sdn Bhd”.

Mengulas lanjut mengenai penganjuran Sarawak Week di Arab Saudi, Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU, Md Silmi Abd Rahman berkata “Projek yang memfokuskan kepada keterangkuman wilayah dan inklusif Bumiputera B40 di Sarawak ini memberi manfaat kepada lebih daripada 233 orang usahawan Bumiputera yang berpendapatan rendah (B40) di Sarawak. Ini adalah selaras dengan Tindakan Pembangunan Bumiputera (TPB 2030) naskah Pembangunan Bumiputera sedekad akan datang yang dibangunkan TERAJU dan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) yang memfokuskan sektor keusahawanan sebagai antara usaha untuk meningkatkan taraf

hidup rakyat secara amnya, sekaligus memanfaatkan ekosistem keusahawanan yang ditawarkan oleh kerajaan sebaiknya.”.

Wakil daripada Kedai Asia berkata “Idea pengasas untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan berteraskan makanan di sini, sekaligus membekalkan produk kepada pasaraya berdekatan mula tercetus selepas saya sering berulang-alik antara Malaysia dan Arab Saudi untuk jangka masa yang lama. Melihat kepada peluang sedia ada, saya mula membuka sebuah kedai yang kini lebih dikenali sebagai Kedai Asia pada 17 Januari 2017 dengan menjual produk-produk buatan Malaysia khususnya bagi memenuhi permintaan di Arab Saudi”.

Husam Waksa Sdn Bhd membuka cawangan pertamanya berhampiran dengan Konsulat Malaysia di Jeddah melalui usaha kerjasama dengan Mohamad Garah yang juga rakan kongsi saya dalam bidang perniagaan makanan sejak tahun 2008. Dengan keluasan lantai 430 kaki persegi, cawangan pertama Kedai Asia bermula dengan 87 jenis SKU produk dari Malaysia dan kini telah melebihi 1000 jenis SKU. Selain mempunyai pasar mini, Husam Waksa Sdn Bhd selaku pengasas Kedai Asia turut mempunyai sembilan akaun di pasaraya utama sekitar Arab Saudi dan turut menjadi pengedar produk halal Malaysia ke pasaran Timur Tengah melalui pasaraya utama seperti Bindawood, Manuel, Danube dan lain-lain semenjak tahun 2008 secara konsisten sehingga kini.

**Gambar lokasi Sarawak Week, Kedai Asia:**



Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat**

**6 APRIL 2022**